

HARI TERBUKA INOVASI UPM

Perisian kesan kualiti minyak sawit dicipta



Siva menunjukkan **perisian Image Analysis** bagi mengesan kualiti minyak sawit secara lebih tepat dan cepat pada Hari Terbuka Inovasi UPM di Serdang, semalam.

[FOTO ROHANIS SHUKRI/BH]

» **Ketepatan jangkau 80 peratus, keputusan dalam masa lima saat**

Oleh **Akmal S Manaf**
akmal.syazwan@bh.com.my

▬ **Serdang**

Kumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta satu perisian khas dikenali *Image Analysis* bagi mengesan kualiti minyak sawit

secara lebih tepat dan cepat.

Profesor Madya Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Siva K Balasundram, berkata ketepatan perisian itu menjangkau sehingga 80 peratus dengan keputusan dapat diketahuinya dalam masa lima saat.

Katanya, kebiasaannya kualiti minyak sawit diukur menggunakan formula *Degree of Bleachability Index* (DOBI), bagai-

manapun formula itu membabitkan kos yang tinggi dari segi alat digunakan dan mengambil masa lama untuk mendapatkan keputusan.

“Kita biasa melihat buah sawit daripada mata kasar, tetapi tidak mengetahui berapa peratusan minyak yang terkandung di dalamnya. Perisian ini turut bertindak sebagai alat membantu membuat keputusan, selain kewujudan perisian ini sebagai alternatif kepada pengusaha minyak sawit untuk mengesan kualiti secara lebih cepat.

“Sekarang, minyak sawit berkualiti tinggi dan rendah dicampur sekali gus sehingga susah untuk membuat kawalan kualiti. Perisian ini dijangka berada di pasaran dua atau tiga tahun lagi kerana sekarang ia masih dalam proses penyelidikan dan pembangunan (R&D),” katanya ketika ditemui pada Hari Terbuka Inovasi UPM, di sini, semalam.

Mesra pengguna

Beliau berkata, perisian itu mesra pengguna kerana penggunaan hanya perlu memasukkan sekeping gambar sawit dan semua formula sudah diselenggara dalam perisian berkenaan.

“Setiap angka yang ditunjukkan ketika menjalani proses pengesanan adalah penting kerana ia ada kaitan dengan kandungan minyak dan kualiti buah sawit.

“Saya berpendapat perisian ini akan banyak membantu pengusaha minyak sawit dari segi mengesan kualiti minyak dan boleh membuat keputusan minyak mana yang perlu dituai atau tunggu,” katanya.